



**APPGM-SDG**  
DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15



PERSATUAN PROMOSI  
MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI  
PPM-023-14-07012020



# LAPORAN AWAL

## Dasar SDG Peringkat Parlimen APPGM - SDG



**KEBAJIKAN**

# Senarai Kehadiran

## **AHLI-AHLI PARLIMEN (PENGERUSI BERSAMA)**

YB Dato Hajah Siti Zailah Binti Yusoff (*P023 - Rantau Panjang*)

YB Datuk Zahari Kechik (*P030 - Jeli*)

YB Senator Tuan Isaiah A/L D. Jacob (*Ahli Dewan Negara*)

## **AHLI-AHLI PARLIMEN YANG HADIR**

YB Datuk Willie Anak Mongin (*P198 - Puncak Borneo*)

YB Tuan Haji Muhammad Islahuddin Bin Abas (*P154 - Mersing*)

YB Puan Hajah Salamiah (*P088 - Temerloh*)

YB Dato Hajah Mumtaz (*P019 - Tumpat*)

YB Tuan Haji Jamaluddin bin Yahya (*P073 - Pasir Salak*)

YB Dr. Haji Abdul Ghani Ahmad (*P005 - Jerlun*)

YB Tuan Mohammad Fawwaz Md Jan (*P044 - Permatang Pauh*)

YB Tuan Rushdan Rusmi (*P001 - Padang Besar*)

## **PAKAR-PAKAR BIDANG**

Dr. Teo Ai Hua (*Universiti Utara Malaysia*)

Lee Min Hui (*ISIS Malaysia*)

## PRAKATA

*YB Puan Isnaraissah Munirah Bt Majilis@Fakharudy*  
*Pengerusi APPGM-SDG*

*Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria*  
*Ketua Sekretariat APPGM-SDG*

Bagi pihak Jawatankuasa APPGM-SDG dan Sekretariat APPGM-SDG, prakata ini kami nukilkan bersama sempena pelancaran siri lapan Laporan Awal Dasar hasil daripada siri perbincangan kumpulan fokus dasar yang telah kami anjurkan bersama Ahli-ahli Parlimen dan pihak-pihak berkepentingan yang lain pada tahun ini. Aktiviti ini julung-julung kali dijalankan oleh APPGM-SDG dan merupakan langkah ke hadapan yang penting dalam proses advokasi dasar kami yang telah berlangsung sejak tahun 2020.

Antara tahun 2020 dan 2024, kami telah menggunakan **lima strategi** dalam usaha untuk membangunkan pendekatan advokasi dasar yang berasaskan bukti dan analisa yang berpandukan dapatan dari peringkat akar umbi.

**Strategi pertama** adalah untuk memetakan keperluan sosioekonomi tempatan.<sup>1</sup> Bagi tujuan ini, kami telah menjalankan perbincangan bersama Ahli-ahli Parlimen dan pegawai-pegawai dan agensi-agensi daerah. Kami telah menjalankan kerja lapangan dan perbincangan kumpulan fokus bersama komuniti-komuniti setempat untuk tempoh tiga ke empat hari.<sup>2</sup> Melalui gerak kerja ini kami telah mengenal pasti masalah utama dari aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar berpandukan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 2030. Selepas kerja lapangan, penyelidik APPGM-SDG telah menyediakan satu laporan pemetaan bagi kawasan parlimen tersebut. Para penyelidik juga telah berkongsi laporan tersebut dengan Ahli-ahli Parlimen dan agensi-agensi kerajaan untuk pengesahan mereka bagi isu-isu yang telah dikenal pasti.<sup>3</sup> Daripada laporan-laporan telah disediakan, kami telah menerbitkan laporan analisis situasi pada tahun 2022 dan 2023.<sup>4</sup>

---

<sup>1</sup> APPGM SDG Annual Report 2022, Mapping local needs and field visits (page 23-24). <https://www.parlimen.gov.my/images/webuser/jkuasa/LAPORAN%20KRPPM/2022%20-%20Laporan%20Tahunan%20APPGM-SDG.pdf>

<sup>2</sup> APPGM SDG Annual Report 2022, Mapping local needs and field visits (page 23-24). <https://www.parlimen.gov.my/images/webuser/jkuasa/LAPORAN%20KRPPM/2022%20-%20Laporan%20Tahunan%20APPGM-SDG.pdf>

<sup>3</sup> Realiti Akar Umbi (Jilid 1-5), [https://appgm-sdg.com/resource\\_library/](https://appgm-sdg.com/resource_library/)

<sup>4</sup> Three publications. (1) Localising SDGs and Local Issues (2022), (2) Localising SDGs and Grassroots Concerns of six vulnerable groups in Malaysia (2023) and (3) SDGs and Grassroots Realities: Seven community case studies in Malaysia (2023). [https://appgm-sdg.com/resource\\_library/](https://appgm-sdg.com/resource_library/)

**Strategi kedua** adalah menyediakan laporan semakan yang komprehensif untuk isu-isu yang telah dipetakan merentasi 85 kawasan parlimen (2020-2023).<sup>5</sup> Aktiviti ini telah dilaksanakan oleh Dr. Teo Sue Ann dan beliau telah mengkategorikan isu-isu tersebut kepada 26 isu-isu tematik<sup>6</sup> di bawah tajuk-tajuk ekonomi, sosial dan alam sekitar.

**Strategi ketiga** adalah menganjurkan lima siri Perbincangan Kumpulan Fokus Dasar Parlimen APGM-SDG di Parlimen Malaysia di mana kami telah mendapat sokongan daripada Ahli-ahli Parlimen untuk meneliti dapatan kami<sup>7</sup> berkenaan tema kemiskinan, kebajikan, keterjaminan makanan, alam sekitar dan tiada kewarganegaraan antara 29hb Februari dan 21 Mac 2024 bersempena dengan persidangan parlimen pertama. Kami telah menjemput Ahli-ahli Parlimen untuk mempengerusikan siri perbincangan tersebut diiringi oleh pembentangan isu yang dikendalikan oleh pegawai Sekretariat daripada MySDG Center for Social Inclusion (MySDG-CSI) dan dibantu oleh pakar-pakar bidang yang telah dilantik oleh pihak kami. Siri perbincangan tersebut telah mendapat sambutan yang baik daripada Ahli-ahli Parlimen.

**Strategi keempat** adalah mengadakan sesi dialog bersama Ahli-ahli Parlimen dan agensi-agensi yang relevan. Pihak Sekretariat juga telah menganjurkan beberapa sesi pra-dialog bersama Ahli-ahli Parlimen dan agensi-agensi secara berasingan untuk mendapatkan sokongan bagi proses perbincangan ini yang bertujuan untuk mencari persefahaman yang lebih baik dan solusi dasar dan legislatif bagi menyelesaikan isu-isu yang berbangkit.

Dalam konteks ini, satu siri yang merangkumi lapan perbincangan kumpulan fokus telah dijalankan antara 2hb dan 18hb Julai 2024 semasa sesi persidangan parlimen. Lapan isu tematik yang telah dibincangkan adalah kemiskinan (Semenanjung, Sabah, Sarawak dan pulau-pulau kecil), kebajikan, keterjaminan makanan, alam sekitar dan tiada kewarganegaraan<sup>8</sup>. Kami telah menerima sokongan yang baik daripada agensi-agensi yang terlibat termasuk maklum balas terhadap keperluan dan kebimbangan yang telah diketengahkan. Pihak Sekretariat juga telah menjalankan sesi perbincangan lanjut dengan Ahli-ahli Parlimen dan agensi-agensi yang relevan.

<sup>5</sup> APPGM SDG 2023 Annual Report, (pages 6-7). <https://www.parlimen.gov.my/images/webuser/jkuasa/LAPORAN%20KRPPM/APPGM%20SDG%20Laporan%20Tahunan%202023-compressed.pdf>

<sup>6</sup> Thematic issues from qualitative findings (Page 39-50) <https://www.parlimen.gov.my/images/webuser/jkuasa/LAPORAN%20KRPPM/APPGM%20SDG%202023%20Annual%20Report-compressed.pdf>

<sup>7</sup> Five Kertas Persediaan Ringkasan Dasar (poverty, welfare, food security, environment and statelessness) was prepared by the MySDG Centre for Social Inclusion

<sup>8</sup> Membina Daya Tahan Daripada Penerima Manfaat Kepada Juara SDG. APPGM-SDG July 2024 Report <https://appgm-sdg.com/buletin-julai-2024/>

**Strategi kelima** adalah menulis lapan Laporan Awal Dasar yang telah disebutkan di atas dan melancarkan laporan-laporan tersebut pada 15hb Oktober 2024 serta menganjurkan perbincangan lanjutan untuk memurnikan dokumen-dokumen tersebut. Pegawai-pegawai Sekretariat di MySDG-CSI telah bekerja keras untuk menyediakan analisis yang komprehensif di dalam kesemua laporan tersebut. Mereka telah berhubung secara rapat dengan Ahli-ahli Parlimen yang berkaitan dalam proses untuk meneliti kandungan laporan-laporan tersebut dan mengambil maklum balas Ahli-ahli Parlimen. Kami melihat laporan-laporan tersebut sebagai dokumen kerja (*working document*) yang masih memerlukan dialog berterusan dan penambahbaikan dari segi analisis dan cadangan-cadangan dasar.

Kami akan melengkapkan proses advokasi dasar ini pada masa yang terdekat dan mengetengahkan dapatan kami kepada kerajaan sebagai input terhadap proses rancangan dan penggubalan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13). Kami juga dalam proses untuk menyediakan dokumen *Voluntary Parliamentary Review* (VPR) bagi SDG (2020-2024) sebagai kajian bebas APPGM-SDG berkenaan penyetempatan agenda SDG di Malaysia. VPR ini akan tersedia menjelang sesi *High Level Political Forum on SDGs* yang akan dianjurkan di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN) di New York antara 14hb dan 24hb Julai 2025, di mana Malaysia akan membentangkan *Voluntary Nasional Review* (VNR) buat kali ketiga.

Di APPGM-SDG, kami menganggap bahawa perbincangan yang telah berlangsung dalam proses advokasi dasar dan juga lapan Laporan Awal Dasar kami sebagai sumbangan penting Ahli-ahli Parlimen di peringkat dasar yang makro, di samping usaha kami untuk menyetempatan SDG di peringkat mikro melalui projek-projek solusi mikro-SDG dan kebun komuniti.

Kami juga mengakui kepentingan kolaborasi secara pelbagai pihak antara Ahli-ahli Parlimen secara dwipartisan dan agensi-agensi kerajaan di semua peringkat (persekutuan, negeri, daerah, dan kerajaan tempatan), ahli-ahli akademik, masyarakat sivil, sektor swasta serta masyarakat akar umbi. Proses konsultatif dan kolaboratif ini adalah sangat mustahak. Proses bawah ke atas (*bottom-up approach*) dari peringkat akar umbi ke peringkat lebih tinggi serta proses atas ke bawah (*top-down approach*) dari peringkat nasional ke peringkat bawah adalah kunci kepada penemuan penyelesaian yang mampan untuk isu-isu akar umbi yang kompleks.

Kami juga yakin bahawa perlu ada tekad politik (*political will*) dalam mencari konsensus untuk menangani kebimbangan masyarakat di peringkat akar umbi. Kita perlu membina konsensus dwipartisan dalam kita mencari penyelesaian untuk isu-isu yang berbangkit. APPGM-SDG menyediakan ruang bagi tujuan ini melalui penyertaan Ahli-ahli Parlimen

daripada parti-parti kerajaan dan parti-parti pembangkang. Oleh kerana mereka adalah wakil pilihan rakyat, kita perlu membina sinergi dan kerjasama yang lebih erat di antara mereka melalui agenda SDG bagi memastikan tiada sesiapa atau komuniti yang ditinggalkan di Malaysia.

Kami ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Parlimen yang telah mengambil bahagian dalam proses advokasi dasar kami ini, semua kakitangan Sekretariat terutamanya kakitangan MySDG-CSI, pakar-pakar bidang, dan semua agensi kerajaan yang telah menyertai sesi perbincangan dan memberikan maklum balas yang amat berharga.

Adalah menjadi harapan kami bahawa kita akan dapat melangkah lebih jauh ke depan melalui lapan siri Laporan Awal Dasar ini. Kami juga berharap laporan-laporan ini akan menjadi bahan rujukan dan analisis yang berguna kepada pembaca. Kami juga mengalu-alukan maklum balas dan cadangan daripada pembaca, yang boleh dipanjangkan kepada kakitangan Sekretariat.

## **KATA ALUAN**

*Yang Berhormat Senator Isaiah A/L D Jacob*

*Ahli Dewan Negara*

Dengan penuh rasa tanggungjawab, laporan awal dasar ini disediakan oleh Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia Untuk Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG) bagi mengupas dan memperincikan pelaksanaan Dasar Kebajikan Masyarakat Negara (DKSN) dan Dasar Sosial Negara (DSN) dalam konteks pembangunan mampan dan kesejahteraan sosial di Malaysia. Kedua-dua dasar ini memainkan peranan penting dalam merangka hala tuju negara ke arah masyarakat yang inklusif, adil dan sejahtera, di mana setiap individu tanpa mengira latar belakang sosial, ekonomi atau keupayaan fizikal berpeluang menikmati kehidupan yang bermaruah.

Dasar Kebajikan Masyarakat Negara bertujuan memastikan rakyat, khususnya golongan rentan seperti warga emas, OKU dan keluarga berpendapatan rendah mendapat perlindungan sosial yang secukupnya. Manakala, Dasar Sosial Negara menetapkan rangka kerja yang menyeluruh untuk meningkatkan kesejahteraan sosial melalui pembangunan modal insan, pengukuhan institusi kekeluargaan dan pemerkasaan masyarakat.

Sebagai wakil rakyat di Dewan Negara yang bertanggungjawab memperjuangkan kepentingan komuniti OKU, saya merasa terpanggil untuk memastikan dasar-dasar ini terus diperkasakan dan diharmonikan dengan Agenda Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 2030. Laporan ini juga mengetengahkan pelbagai cadangan untuk memastikan strategi pelaksanaan yang lebih inklusif, efisien dan responsif terhadap perubahan sosial serta cabaran global yang dihadapi oleh negara.

Diharapkan laporan ini dapat menjadi panduan kepada pihak berkepentingan dalam menggubal dan memperbaiki dasar-dasar sedia ada, demi memastikan Malaysia menjadi sebuah negara yang lebih inklusif dan makmur.

*15hb Oktober, 2024*

*Dewan Negara*

*Parlimen Malaysia*

## **KATA PENGENALAN**

*Dr. Teo Sue Ann*

*Pengarah MySDG Center for Social Inclusion, APPGM-SDG*

Sejak tahun 2020, Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (APPGM-SDG) telah berusaha bertungkus-lumus untuk menyetempatan 17 Agenda Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) di seluruh Malaysia. Hingga ke tahun 2023, para penyelidik APPGM-SDG telah memeta isu di 85 dari 222 kawasan parlimen di seluruh negara. Dengan isu-isu yang telah diperolehi, APPGM-SDG telah memulakan advokasi dasar SDG melalui *MySDG Centre for Social Inclusion (MySDG-CSI)*.

Daripada isu-isu yang telah dipetakan, kami mendapati lima tema paling menonjol, iaitu kemiskinan, kebajikan, alam sekitar, keterjaminan makanan, dan tiada kewarganegaraan. Walaupun kami telah mengumpulkan data-data kualitatif untuk lima tema tersebut, kami mendapati bahawa isu-isu yang telah dicatatkan adalah berbeza apabila dianalisis secara mendalam disebabkan oleh: latar belakang komuniti yang berlainan; wilayah dan lokasi yang berbeza; kadang-kala juga disebabkan oleh hubungan politik; dan cara kehidupan komuniti tempatan yang berbeza. Namun, apabila kami menganalisa isu-isu ini daripada segi makro, kami telah mendapati bahawa terdapat suatu corak persamaan yang muncul daripada data-data tersebut.

Yang lagi pentingnya, adalah bahawa data-data yang telah dikumpulkan oleh para penyelidik APPGM-SDG adalah bersifat kualitatif. Melalui data-data ini, kami dapat menghayati isu-isu yang telah dialami oleh komuni-komuniti di akar umbi melalui perkongsian naratif mereka. Data-data kualitatif ini telah membolehkan kami untuk menelitikan isu-isu tempatan secara makro dan mikro. Ini menjadi suatu dorongan yang penting untuk pihak kami bekerjasama dengan Ahli-ahli Parlimen dalam gerak kerja advokasi dasar APPGM-SDG.

Ahli-ahli Parlimen adalah wakil rakyat yang penting dan mereka yang sering berhadapan dengan komuniti-komuniti yang memerlukan bantuan. Dengan itu, siri perbincangan pertama yang telah dijalankan antara 29hb Februari dan 21 Mac 2024 dibuktikan penting tidak sahaja sebagai suatu peluang kepada Ahli-ahli Parlimen yang rentas parti politik berlainan untuk membincangkan isu-isu yang sedang dan telah berlaku di kawasan-kawasan parlimen masing-masing. Dalam sesi tersebut, mereka juga dapat mengetepikan agenda politik parti masing-masing dan mendapat kesedaran bahawa isu yang sama juga berlaku di kawasan-kawasan parlimen selain dari kawasan yang diwakili oleh mereka.



Daripada lima sesi perbincangan tersebut, terdapat tiga keputusan penting yang telah dipersetujui oleh para Ahli-ahli Parlimen yang hadir. Pertamanya, penyertaan daripada pihak kementerian kerajaan sebagai salah satu pihak berkepentingan dalam proses ini adalah diperlukan. Maklum balas daripada kementerian-kementerian yang bertanggungjawab untuk menyediakan dasar pembangunan negara adalah mustahak dalam perbincangan isu-isu tempatan di kawasan parlimen. Dengan itu, kami telah berusaha untuk menjemput dan mendapatkan penyertaan kementerian dalam sesi perbincangan kedua yang telah berlangsung antara 2hb dan 18hb Julai 2024.

Keputusan kedua yang telah dipersetujui oleh Ahli-ahli Parlimen adalah memisahkan tema kemiskinan yang dikatakan terlalu luas. Jikalau perbincangan diteruskan untuk sesi seterusnya dengan merangkumi semua kawasan di Malaysia, komuniti-komuniti yang tinggal di pulau-pulau kecil, keadaan kemiskinan di wilayah Sabah dan Sarawak masing-masing tidak akan mendapat tumpuan yang memadai dalam perbincangan tersebut. Justeru, bagi memastikan perbincangan yang lebih menyeluruh MySDG-CSI telah menjalankan sesi perbincangan di Sabah dan Sarawak masing-masing, bersama dengan Ahli-ahli Parlimen dan wakil kementerian di peringkat wilayah. Siri perbincangan tersebut telah berjaya dijalankan dengan sokongan dan kerjasama *Institute for Development Studies* (IDS) di Sabah, dan *Economic Planning Unit* di Sarawak.

Keputusan yang ketiga adalah supaya perbincangan bertema keterjaminan makanan dipisahkan kepada dua sesi yang bertumpu kepada pertanian dan penternakan sebagai satu sesi, serta perikanan sebagai satu sesi yang lain. Sebab untuk pemisahan ini adalah sama seperti untuk tema kemiskinan. Isu-isu yang diperolehi untuk kedua-dua lapangan tersebut adalah berbeza dan para Ahli Parlimen juga memberi tumpuan yang lebih mendalam untuk setiap tema rinci yang penting ini.

Secara keseluruhannya, proses advokasi ini dipimpin oleh penyertaan dan cadangan daripada Ahli-ahli Parlimen dan wakil-wakil Kementerian. Suatu pemerhatian yang signifikan adalah bahawa kedua-dua pihak yang berkepentingan ini telah bersetuju bahawa kerjasama yang erat adalah sangat penting untuk memastikan suatu bentuk institusi kerajaan yang kukuh demi mencapai bukan sahaja SDG 16 tetapi semua SDG yang lain yang saling berkait rapat.

Hasil daripada sesi-sesi perbincangan ini menjangkau lebih daripada apa yang telah kami jangkakan. Satu pencapaian yang penting adalah penghasilan lapan Laporan Awal Dasar SDG yang bertemakan Kemiskinan di Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Pulau-pulau kecil, Kebajikan, Keterjaminan Makanan, Alam Sekitar dan Tiada Kewarganegaraan. Laporan-laporan awal ini akan menjadi teras kepada usaha advokasi dasar kami yang seterusnya pada tahun 2025 bagi menjalankan kerjasama dengan lebih ramai pihak yang

berkepentingan seperti kerajaan di peringkat wilayah, negeri dan daerah, masyarakat sivil (CSO), badan-badan pemikir dan ahli-ahli akademik. Di samping itu, menerusi siri perbincangan ini, kami telah berjaya menjalinkan kerjasama erat bersama dengan pelbagai kementerian.

Dengan itu, proses polisi advokasi MySDG-CSI telah berjaya mencapai objektifnya, iaitu mengukuhkan kerjasama antara pelbagai pihak berkepentingan dalam proses penyetempatan SDG melalui APPGM-SDG. Walaupun siri perbincangan ini berupa lambang kepada langkah permulaan dalam usaha advokasi dasar yang mampan, ia telah menyumbang kepada daya gerak Kerajaan Malaysia dalam usaha mencapai agenda SDG menjelang 2030.

# Kandungan

<b>Ringkasan Eksekutif .....</b>	<b>1</b>
<b>1. Latar Belakang .....</b>	<b>4</b>
<b>2. Proses Penyediaan Laporan Dasar Kebajikan di Malaysia oleh APPGM-SDG .....</b>	<b>7</b>
2.1 Sesi Perbincangan Kumpulan Fokus Dasar (FGD) Pertama, 12hb Mac 2024.....	8
2.2 Sesi Perbincangan Kumpulan Fokus Dasar (FGD) Kedua, 18hb Julai 2024 .....	9
<b>3. Dapatan Utama: Maklum Balas Agensi Kerajaan dan Ahli Parlimen .....</b>	<b>9</b>
3.1 Golongan Rentan Tidak Dapat Mengakses Bantuan Kebajikan Dan Sokongan Walaupun Layak .....	10
3.2 Pengecualian Kumpulan Tertentu Disebabkan Oleh Definisi Sempit Tentang Siapa Yang Layak Dan Rentan.....	14
3.3 Isu Berdasarkan Gender Adalah Lazim Dengan Sokongan Sosial Yang Terhad .....	17
3.4 Kekurangan Penjagaan/Fragmentasi Perkhidmatan Bagi Warga Emas Dan OKU..	19
<b>4. Cadangan Dasar dan Jalan ke Depan .....</b>	<b>21</b>
4.1 Memisahkan Bidang Kuasa JKM Ke Satu Kementerian/Agensi Tersendiri .....	21
4.2 Mengembangkan Definisi ‘Kumpulan Rentan’ Dalam Sistem Kebajikan Malaysia ..	22
4.3 Melabur Dalam Sistem Kebajikan Sosial Dan Menambah Bilangan Pekerja Sosial	23
4.4 Melabur Dalam Perkhidmatan Penjagaan Bagi OKU Dan Kanak-Kanak Yang Mampu Dicapai, Serta Menangani Fragmentasi Perkhidmatan .....	23
4.5 Mengkaji Semula Dasar Kebajikan Sosial Negara Dan Dasar Sosial Negara, Serta Membangunkan Pelan Hala Tuju/Tindakan .....	24
<b>Rujukan .....</b>	<b>26</b>
<b>LAMPIRAN 1: Rangkuman Isu-isu Utama, Maklum Balas, Cadangan .....</b>	<b>24</b>
1.1 Senarai Isu-Isu Berkaitan Kebajikan Untuk Sesi FGD Pertama Bersama Ahli-Ahli Parlimen, 12hb Mac 2024.....	24
1.2 Senarai Isu-Isu Berkaitan Kebajikan Untuk Sesi FGD Kedua Bersama Ahli-Ahli Parlimen Dan Agensi Kerajaan, 18hb Julai 2024.....	25
1.3 Senarai Maklum Balas Dan Cadangan Dasar Daripada Agensi-Agensi Kerajaan Dan Ahli-Ahli Parlimen, 18hb Julai 2024.....	29

<b>LAMPIRAN 2: Senarai Kehadiran Ahli-ahli Parlimen dan Organisasi Masyarakat Sivil untuk Perbincangan Kumpulan Fokus Dasar Pertama – 12hb Mac 2024.....</b>	<b>31</b>
<b>LAMPIRAN 3: Senarai Kehadiran Ahli-ahli Parlimen dan Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan untuk Perbincangan Kumpulan Fokus Dasar Kedua – 18hb Julai 2024 .....</b>	<b>32</b>

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Kerajaan Malaysia telah berusaha secara berterusan sejak 1940an untuk memastikan golongan-golongan rentan mendapat bantuan kebajikan yang selari dengan keperluan mereka. Usaha-usaha tersebut adalah sebahagian besar daripada agenda makro kerajaan untuk membasmi kemiskinan. Selaras dengan itu, apabila Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengumumkan 17 Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) sebagai agenda global 2030, tema kebajikan sekali lagi menjadi salah satu fokus yang penting kepada kerajaan Malaysia. Ini adalah kerana sistem dan model kebajikan yang berkesan akan memberdayakan golongan-golongan rentan dan miskin untuk meningkatkan taraf kehidupan mereka.

Dalam usaha untuk menyetempatkan agenda SDG, Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia untuk Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG) melihat isu-isu berkaitan kebajikan sebagai isu-isu yang penting, kompleks dan berkait rapat dengan tema-tema SDG yang lain. Sehubungan itu, usaha yang berasaskan kepada penglibatan pelbagai pihak berkepentingan adalah penting untuk mencari penyelesaian yang berkesan dan menyeluruh.

Bagi tujuan tersebut, APPGM-SDG menerusi sayap penyelidikan dan dasar kami, *MySDG Centre for Social Inclusion* (MySDG-CSI) telah mengambil hasil kajian pemetaan isu kami berkaitan dengan kebajikan di 85 kawasan parlimen dari tahun 2020 hingga 2023 sebagai asas untuk menganjurkan proses perbincangan bersama dengan Ahli-ahli Parlimen dan kementerian serta agensi kerajaan yang berkaitan. Hasil kajian pemetaan ini adalah dalam bentuk data kualitatif dan diperolehi daripada sesi-sesi perbincangan berfokus (FGD) bersama dengan kumpulan-kumpulan miskin, rentan dan terpinggir di kawasan-kawasan parlimen yang terlibat. Laporan ini adalah hasil daripada proses perbincangan tersebut.

Sebanyak dua sesi perbincangan kumpulan fokus dasar telah dijalankan untuk tema kebajikan ini. Sesi yang pertama telah dijalankan bersama Ahli-ahli Parlimen dan sesi yang kedua telah dijalankan bersama Ahli-ahli Parlimen dan wakil-wakil kementerian serta agensi kerajaan. Sesi-sesi perbincangan tersebut bukan sahaja penting tetapi juga telah menonjolkan kerumitan isu-isu kebajikan yang di peringkat masyarakat akar umbi disebabkan oleh faktor-faktor seperti perbezaan lokasi, kawasan, gender, kumpulan umur, dan sosio-demografi yang berlainan.

Isu yang paling menonjol adalah maklumat-maklumat berkaitan dengan bantuan dan program yang ditawarkan oleh pihak kementerian dan agensi yang tidak sampai kepada kumpulan-kumpulan sasaran. Selain itu, didapati bahawa definisi kumpulan-kumpulan

sasaran Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) masih lagi tidak merangkumi kesemua kumpulan yang memerlukan bantuan, misalnya ibu bapa tinggal dan tunggal, kanak-kanak tanpa dokumentasi, dan golongan tua yang tinggal bersama dengan anak-anak yang masih menghadapi kesukaran untuk memohon bantuan kebajikan. Salah satu kumpulan rentan yang telah dibincangkan secara mendalam oleh Ahli-ahli Parlimen dan pihak kementerian dan agensi kerajaan adalah golongan kurang upaya (OKU) yang memerlukan penjagaan khas dan latihan perdayaan.

Dalam sesi perbincangan bersama dengan Ahli-ahli Parlimen, telah juga didapati bahawa kerajaan Malaysia pernah mempunyai dasar kebajikan yang menyeluruh dari segi perancangan. Namun begitu, Ahli-ahli Parlimen tidak dapat mengenal pasti aspek pelaksanaan dasar tersebut. Selain itu, Ahli-ahli Parlimen juga bersetuju dengan hasil pemetaan isu APPGM-SDG yang menunjukkan bahawa terdapat pertindihan program dan bantuan kebajikan yang sedang dilaksanakan oleh pelbagai agensi kerajaan yang berlainan. Pertindihan program dan bantuan telah mengakibatkan samada terdapat individu yang mendapat bantuan kebajikan daripada agensi pemberi bantuan yang berlainan, ataupun gagal mendapat bantuan kebajikan daripada mana-mana agensi.

Penglibatan pihak kementerian dan agensi kerajaan dalam sesi perbincangan terbukti adalah penting kerana mereka telah memberi maklum balas secara langsung dan bersemuka kepada Ahli-ahli Parlimen. Dalam sesi perbincangan tersebut, Ahli-ahli Parlimen dimaklumkan tentang pelbagai program dan skim kebajikan yang sedia ada dan merangkumi pelbagai kumpulan-kumpulan rentan. Misalnya, walaupun pihak JKM tidak mempunyai skim bantuan kebajikan kepada ibubapa yang berstatus tunggal atau tinggal secara khusus, terdapat skim bantuan kebajikan lain yang masih lagi boleh membantu mereka yang memerlukan – contohnya skim bantuan kebajikan am kepada keluarga yang miskin, dan program bantuan anak emas yang masih lagi boleh membantu untuk meringankan beban kehidupan ibubapa tinggal dan tunggal.

Dari segi cabaran untuk menyebarkan maklumat-maklumat kepada golongan rentan di seluruh Malaysia secara berkesan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan JKM telah membangkitkan isu kekangan dari segi kekurangan pegawai yang bertugas di kawasan tempatan. Oleh yang demikian, pihak-pihak tersebut memerlukan kerjasama oleh agensi dan wakil-wakil tempatan seperti pejabat daerah, penghulu dan ketua kampung untuk membantu menyebarkan maklumat mengenai bantuan kebajikan kepada golongan akar umbi.

Selain itu, pihak kementerian dan agensi kerajaan juga bersetuju tentang kepentingan kerjasama antara kementerian dan agensi. Satu pandangan yang dipersetujui oleh semua pihak pada kedua-dua sesi perbincangan adalah bahawa tanggungjawab JKM

semakin berkembang dan merangkumi hampir semua aspek kehidupan masyarakat. Oleh sebab itu, pertindihan tanggungjawab dan mandat sering berlaku antara kementerian. Pihak kementerian dan agensi kerajaan juga menekankan kepentingan sistem pangkalan data yang bersepadu sebagai salah satu usaha untuk mengumpulkan maklumat berkenaan individu-individu miskin dan memastikan golongan-golongan seperti warga emas dan OKU tidak ketinggalan.

Sesi-sesi perbincangan bersama dengan Ahli-ahli Parlimen dan kementerian telah membolehkan pihak MySDG-CSI bersama dengan dua pakar bidang yang arif berkenaan topik kebajikan untuk mengenal pasti empat cadangan sebagai langkah ke depan. Salah satu daripada cadangan tersebut adalah untuk memisahkan tanggungjawab JKM daripada KPWKM untuk menjadi satu kementerian yang tersendiri. Cadangan kedua adalah untuk menetapkan suatu definisi yang jelas dan berketerangkuman untuk memastikan kumpulan-kumpulan yang lazimnya ketinggalan akan dimasukkan dalam kategori rentan. Ini termasuklah golongan belia, warga emas dan OKU. Walaupun pihak kementerian telah menekankan bahawa skim bantuan kebajikan yang sedia ada bersifat menyeluruh, ia adalah lebih berdasarkan kepada keperluan bantuan. Oleh itu, definisi yang lebih jelas akan memastikan penyampaian bantuan yang lebih berkesan.

Dari segi keberkesanan pelaksanaan, cadangan ketiga adalah supaya kerajaan melabur dalam sistem kebajikan sosial dan menambah bilangan pekerja sosial. Ini dapat meningkatkan jumlah pekerja sosial yang berkelayakan dan tenaga kerja perkhidmatan sosial yang lebih berkesan. Ini juga dapat membolehkan pegawai JKM dan pekerja sosial mengenal pasti kumpulan yang memerlukan bantuan, mengurangkan halangan pentadbiran semasa membantu kumpulan rentan memohon skim kebajikan, sambil memantau perkembangan kes dan menghubungkan mereka dengan perkhidmatan yang relevan. Bagi isu berkaitan dengan hal-ehwal golongan OKU dan kanak-kanak, cadangan keempat adalah menggalakkan KPWKM atau kementerian-kementerian yang lain untuk melabur di dalam perkhidmatan penjagaan OKU dan kanak-kanak. Berikutan dengan cadangan ini telah juga diusulkan supaya hal-ehwal OKU diletakkan di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri.

## 1. LATAR BELAKANG

Kebajikan merupakan satu konsep luas yang merujuk kepada keadaan menyeluruh yang menekankan kepada kegembiraan, kepuasan dan kesejahteraan individu, komuniti, atau seluruh negara. Walaupun kebajikan sering dilihat dari perspektif kesejahteraan kewangan atau kebendaan, ia juga meliputi aspek mental, emosi, dan sosial. Namun demikian, di Malaysia, kebajikan sosial lebih merujuk kepada program yang dibiayai oleh kerajaan untuk membantu masyarakat secara keseluruhan.

Secara khusus, kebajikan sosial bertujuan untuk membantu individu dan keluarga yang memerlukan, dengan menyediakan perkhidmatan seperti keselamatan sosial, penjagaan kesihatan, bantuan perumahan, dan sokongan makanan. Kebajikan sosial boleh wujud dalam pelbagai bentuk, termasuk sistem sokongan, penawaran perkhidmatan, pelaksanaan program, tindakan perundangan, atau intervensi kehakiman. Inisiatif-inisiatif tersebut beroperasi di peringkat tempatan, negeri, dan Persekutuan, dikendalikan oleh badan kerajaan, agensi, organisasi, dan individu yang berkepentingan. Oleh itu, dasar-dasar kebajikan sosial merupakan bahagian utama usaha kerajaan untuk memenuhi keperluan masyarakat dan membina jaringan keselamatan untuk kumpulan rentan.

Di Malaysia, kebajikan sosial biasanya dikaitkan dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), walaupun agensi lain juga menawarkan perkhidmatan dan bantuan yang berasaskan kebajikan. Model dan sistem kebajikan JKJ terletak di bawah Kementerian Wanita, Keluarga dan Pembangunan Masyarakat (KPWKJ). Secara ringkasnya, sejarah perkembangan kebajikan sosial di Malaysia adalah seperti berikut:

### Sebelum Perang Dunia Kedua

- Pejabat Penjajah British memperkenalkan program kebajikan bagi pekerja migran secara amnya dengan menubuhkan Jabatan Buruh pada tahun 1912<sup>9</sup>.

---

<sup>9</sup> Fuziah Shaffie (2007) and Mair, L.P. (1944).



- Pada tahun 1937, Jabatan Perkhidmatan Sosial telah ditubuhkan dengan sumber-sumber terhad untuk mengatasi masalah sosial komuniti tempatan dan orang asli, namun ia telah diberhentikan semasa perang dunia kedua.

### **Selepas Perang Dunia Kedua**

- Jabatan Kebajikan Masyarakat atau JKM telah ditubuhkan pada tahun 1946, menandakan permulaan perkhidmatan kebajikan sosial awam di Malaysia.
- JKM telah memperkenalkan beberapa perkhidmatan dan bantuan kepada pelbagai kumpulan di bawah Kementerian yang berbeza sejak penubuhan<sup>10</sup>.

### **Selepas Kemerdekaan**

- Malaysia mengutamakan pembangunan sosio-ekonomi melalui dasar-dasar awam dan pelan induk (*master plan*). Penekanan diberi kepada dasar-dasar berkaitan ekonomi.
- Kebajikan sosial di Malaysia didefinisikan sebagai bantuan kepada kumpulan-kumpulan yang rentan, dan kebanyakannya bergantung kepada kerajaan Persekutuan walaupun kebajikan adalah tanggungjawab bersama antara kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri di bawah Perlembagaan Persekutuan.<sup>11</sup>

Kumpulan sasaran rentan JKM termasuklah (1) wanita, (2) keluarga, (3) warga tua, (4) kanak-kanak, (5) pertubuhan kebajikan sukarela, (6) orang kurang upaya (OKU), (7) golongan miskin tegar, serta mangsa (8) bencana alam, (9) perdagangan manusia, dan (10) mangsa yang terlibat dalam keganasan rumah tangga. Bantuan kebajikan diberikan berdasarkan ujian kelayakan dan keperluan. Daripada kumpulan sasaran tersebut, JKM akan memantau dan menilai untuk memastikan hanya mereka yang 'paling rentan' atau 'layak'sahaja akan menerima bantuan. Matlamat sokongan kebajikan yang disediakan oleh JKM adalah untuk menyediakan bantuan keperluan asas, sistem untuk menyokong kemandirian penerima dari masa ke masa, bentuk rehabilitasi untuk penerima, dan sebagai sumber sokongan kewangan.

KPWKM dan JKM telah banyak kali mengkaji semula strategi dan model untuk membantu kumpulan-kumpulan yang rentan, namun masih lagi terdapat kekaburan tentang lingkungan dan definisi kebajikan di Malaysia. Ini adalah kerana tanggungjawab JKM pada

<sup>10</sup> JKM pernah diubah kepada Jabatan Perusahaan dan Perhubungan Sosial (1952-1955), kemudian Jabatan Kesihatan dan Kebajikan Sosial (1956-1957), sebelum diubah menjadi Kementerian Kesihatan dan Kebajikan Sosial (1957-1958), Kementerian Buruh dan Kebajikan Masyarakat (1958-1959), Kementerian Kesihatan dan Kebajikan Masyarakat (1960-1962), Kementerian Buruh dan Kebajikan Masyarakat (1963-64) sehingga diubah menjadi Kementerian Kebajikan Am (1964-1982) (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2016).

<sup>11</sup> Secara umumnya, kebajikan sosial di banyak negara maju didefinisikan sebagai tindakbalas kerajaan terhadap keperluan manusia seperti makanan, perumahan, penjagaan kesihatan, pekerjaan, serta perkhidmatan. (DiNitto & Johnson, 2021)

lazimnya bertindih dengan bantuan kementerian yang lain. Oleh yang demikian, kerjasama antara kementerian menjadi sangat penting supaya pertindihan kuasa dapat dielakkan dalam usaha untuk memberi bantuan kebajikan kepada kumpulan-kumpulan rentan secara berkesan. Contohnya, kanak-kanak daripada keluarga miskin yang bersekolah boleh mendapat Bantuan Kanak-kanak JKM dan juga bantuan kebajikan lain daripada Kementerian Pendidikan Malaysia bagi persekolahan mereka jika tiada kerjasama diadakan antara kedua-dua kementerian untuk mengelak pertindihan pangkalan data pemohon-pemohon. Kes yang sama juga akan berlaku jika individu atau keluarga yang tidak layak sebagai penerima bantuan JKM tetapi layak untuk perkhidmatan perumahan kos rendah yang disediakan untuk kumpulan rentan melalui pihak berkuasa tempatan (PBT).

Selain daripada usaha-usaha daripada KPWK dan JKM, kerajaan Malaysia juga telah melaksanakan beberapa dasar kebajikan sosial seperti berikut:

**Dasar Kebajikan Sosial Negara**

- Dasar Kebajikan Sosial Negara diperkenalkan pada tahun 1990 untuk mengalihkan pendekatan bantuan kewangan reaktif kepada pendekatan pembangunan dan pencegahan, bertujuan untuk membentuk satu masyarakat yang berdaya tahan (*resilient*).

**Dasar Sosial Negara**

- Dilancarkan pada tahun 2003, Dasar Sosial Negara bertujuan untuk membentuk sebuah masyarakat yang bersepadu dan berdaya tahan melalui kerjasama multisektoral, dengan penyertaan komuniti melalui kesukarelawan.

**Dasar-dasar Semasa**

- Dasar-dasar di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti termasuk Dasar Sosial Negara, Dasar Kanak-kanak Negara, Dasar Perlindungan Kanak-kanak Negara, Dasar Orang Kurang Upaya Negara, dan Dasar Warga Emas Negara. Dasar-dasar ini fokus kepada kumpulan sasaran JKM sahaja.

Laporan dasar ini meneliti aspek akses kepada bantuan dan kebajikan, cabaran dengan konsep kesejahteraan yang terhad di Malaysia, dan jurang dalam penyediaan perkhidmatan, dengan berdasarkan kepada hasil pemetaan isu yang telah dijalankan antara tahun 2020 dan 2023 oleh Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia Untuk Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG) di 85 kawasan parlimen dan perbincangan kumpulan fokus dasar dengan Ahli-ahli Parlimen dan agensi-agensi kerajaan persekutuan. Isu-isu kebajikan ini memerlukan perhatian dasar-dasar utama bagi membantu negara untuk mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) yang pertama, kelima, kelapan, kesepuluh dan keenam belas.

## **2. PROSES PENYEDIAAN LAPORAN DASAR KEBAJIKAN DI MALAYSIA OLEH APPGM-SDG**

Proses penyediaan laporan dasar ini adalah berasaskan kepada penyertaan pelbagai pihak berkepentingan, terutamanya para Ahli Parlimen, kementerian-kementerian yang berkenaan serta pihak badan bukan kerajaan seperti organisasi masyarakat sivil (CSO). Ahli-ahli Parlimen tersebut mewakili kedua-dua pihak kerajaan dan pembangkang, sejajar dengan paksi utama kegiatan APPGM-SDG iaitu prinsip dwi-partisan yang menitikberatkan penyertaan wakil-wakil rakyat daripada parti-parti politik yang berlainan.

Dua sesi perbincangan meja bulat telah diadakan bersama ahli-ahli Parlimen serta agensi-agensi kerajaan yang berkaitan untuk membincangkan isu-isu kebajikan yang menjadi keutamaan mereka dan cadangan-cadangan serta maklum balas daripada agensi-agensi kerajaan yang hadir. Siri perbincangan ini dibahagikan kepada dua sesi yang dilangsungkan bersempena dengan sidang Parlimen Malaysia pertama dan kedua untuk tahun 2024. Sesi pertama telah dilangsungkan pada 12hb Mac 2024, manakala sesi yang kedua telah dilangsungkan pada 18hb Julai 2024.

## **2.1 Sesi Perbincangan Kumpulan Fokus Dasar (FGD) Pertama, 12hb Mac 2024**

Pada sesi perbincangan yang pertama, yang telah dipengerusikan oleh YB Dato Hajah Siti Zailah Binti Yusoff, YB Datuk Zahari Kecik dan YB Senator Tuan Isaiah a/l D. Jacob, Ahli-ahli Parlimen yang hadir telah membincangkan isu-isu berkaitan kebajikan sosial di Malaysia (senarai kehadiran boleh dirujuk di **Lampiran 2**). Senarai isu ini merupakan ringkasan daripada isu-isu kebajikan yang telah didokumentasikan melalui aktiviti pemetaan APPGM-SDG. Isu-isu tersebut adalah seperti berikut:

1. Kekurangan pelaburan dalam kebajikan sosial
2. Kekurangan sokongan bagi OKU
3. Kekurangan peluang untuk pembangunan belia
4. Kekurangan kepekaan kepada isu gender
5. Keperluan warga emas yang tidak mencukupi

Huraian untuk setiap isu di atas boleh dirujuk di **Lampiran 1.1**.

Semasa sesi perbincangan ini, ia menjadi jelas bahawa terdapat banyak salah faham mengenai isu kebajikan sosial di Malaysia. Walaupun istilah 'kebajikan sosial' ini luas, di Malaysia istilah tersebut hanya tertumpu kepada kumpulan sasaran tertentu. Di samping itu, terdapat kritikan terhadap peranan JKM yang meliputi pelbagai kumpulan sasaran serta maklum balas daripada Ahli-ahli Parlimen untuk meneliti semula susunan ini, sambil juga menggesa pelaburan yang lebih dalam sistem kebajikan sosial.

Secara keseluruhan, terdapat tiga hasil utama daripada sesi FGD pertama ini:

1. Cadangan untuk menambah bilangan pekerja sosial
2. Cadangan untuk mempercepatkan Rang Undang-Undang Profesion Pekerja Sosial
- 3.** Cadangan untuk meneliti balik makna kebajikan sosial dalam konteks Malaysia dan kerajaan Malaysia

## 2.2 Sesi Perbincangan Kumpulan Fokus Dasar (FGD) Kedua, 18hb Julai 2024

Sesi perbincangan kedua telah dipengerusikan secara bersama oleh YB Dato' Siti Zailah Binti Mohd Yusoff (Rantau Panjang) dan YB Senator Tuan Isaiah a/l D.Jacob. Sesi ini bertujuan untuk mencari penyelesaian secara bi-partisan dan pelbagai pihak berkepentingan bagi isu-isu yang telah dibangkitkan pada sesi pertama. Setiap kementerian dan agensi kerajaan telah diberikan masa untuk membentangkan maklum balas mereka terhadap isu-isu yang terletak di bawah bidang kuasa masing-masing. Ahli-ahli Parlimen yang hadir juga telah mencelah dan memberi respons mereka kepada pihak kementerian dan agensi kerajaan.

Berdasarkan sesi perbincangan ini, tiga isu telah diutamakan, iaitu:

1. Golongan rentan tidak dapat mengakses bantuan kebajikan dan sokongan walaupun layak. Ini termasuk golongan rentan seperti kumpulan berpendapatan rendah, warga emas, ibu tunggal, dan OKU yang tidak dapat mengakses bantuan kewangan dan sokongan disebabkan beberapa faktor yang termasuk kekurangan kesedaran mengenai bantuan kebajikan dan skim sokongan, halangan pentadbiran, termasuk atau terkeluar dari senarai disebabkan sistem e-Kasih yang bermasalah, kekurangan dana di JKM dan pegawai kebajikan/pekerja sosial, kekurangan kemudahan/sokongan kepada OKU.
2. Golongan tertentu terkecuali (*exclusion*) disebabkan definisi yang sempit mengenai kelayakan dan kerentanan.
3. Belia berpendapatan rendah/luar bandar tidak dianggap sebagai golongan rentan walaupun bukti kerentanan wujud.

Huraian lanjut untuk setiap isu di atas boleh dirujuk di dalam **Lampiran 1.2**.

Sesi FGD kedua ini juga disusuli dengan bengkel bersama wakil daripada CSO pada 10hb Ogos 2024 untuk membentangkan maklum balas daripada agensi-agensi kerajaan kepada mereka dan mendapatkan pandangan mereka dalam penyediaan laporan ini.

## 3. DAPATAN UTAMA: MAKLUM BALAS AGENSI KERAJAAN DAN AHLI PARLIMEN

Bahagian ini mengetengahkan maklum balas daripada pihak kementerian dan agensi kerajaan untuk isu-isu utama yang telah dibangkitkan semasa sesi perbincangan. Ahli-ahli parlimen, Kementerian-kementerian, dan agensi-agensi yang terlibat membincangkan isu-isu kebajikan dengan mendalam, tetapi disebabkan oleh betapa

luasnya topik ini, kami tidak dapat merangkumi semuanya. Salah satu isu utama berdasarkan maklum balas yang diterima adalah terdapat salah faham mengenai kebajikan sosial, dan oleh itu maklum balas tersebut terlalu luas dan tidak dapat merangkumi semua isu yang dibangkitkan.

Akhirnya, isu-isu yang diutamakan di sini adalah berkait dengan (1) masalah pelaksanaan dan penyelarasan, dan (2) definisi yang terhad tentang kebajikan di Malaysia. Isu-isu ini adalah seperti berikut:

### **3.1 Golongan Rentan Tidak Dapat Mengakses Bantuan Kebajikan dan Sokongan Walaupun Layak**

Kumpulan rentan menghadapi pelbagai rintangan individu dan sistemik secara serentak dalam mengakses bantuan, termasuk kurangnya kesedaran tentang skim sokongan yang ada, halangan pentadbiran seperti ketidakupayaan mengisi borang dan mengikuti prosedur atau perlu hadir secara fizikal di pejabat JKM untuk memohon bantuan, serta dianggap tidak layak. Secara keseluruhannya, perhatian terhadap aksesibiliti sokongan kebajikan dan mempermudah bagi kumpulan rentan adalah penting dan diperlukan.

Selain itu, sistem penyasaran yang digunakan untuk mengenal pasti penerima kebajikan berdasarkan keperluan mempunyai kelemahannya, di mana terdapat kesilapan pengecualian berganda (*double exclusion*) bermakna mereka yang layak tetapi tidak dapat menerima bantuan, dan kesilapan pengambilan (*inclusion error*) di mana mereka yang tidak layak tetapi menerima bantuan. Pada peringkat sistemik, sistem kebajikan di Malaysia mempunyai masalah kekurangan dana dan kekurangan pekerja sosial. Malaysia dilaporkan hanya mempunyai seorang pekerja sosial untuk setiap 8,756 orang (UNICEF, 2023). Selain itu, di kalangan kumpulan rentan yang paling terpinggir adalah orang kurang upaya (OKU) –kumpulan rentan yang paling kurang perdayaan untuk menjana pendapatan. Rajah di bawah memetakan isu-isu ini.

**Pihak KPWK** telah memberikan maklum balas bahawa JKM menghadapi kekangan dari segi penyelarasan antara agensi. Buat masa ini JKM menggunakan sistem e-Bantuan JKM di mana bantuan-bantuan disalurkan secara langsung (*direct*) melalui akaun-akaun penerima bantuan. Tiada lagi bantuan yang diberikan secara tunai untuk mengelakkan ketirisan dan sebagainya. Namun, ada juga kekangan dari segi penyelarasan untuk penama-penama dengan agensi-agensinya yang lain. Pada masa ini tiada integrasi sistem dengan agensi-agensi pemberi bantuan yang lain seperti zakat, bahagian hal ehwal agama Islam, PERKESO dan sebagainya. Untuk PERKESO JKM baru memulakan usaha untuk menyelaraskan bantuan. Pada masa ini juga telah terdapat Pangkalan Data Utama (PADU) yang diselaraskan oleh Kementerian Ekonomi (KE) dan JKM telah memohon untuk mengintegrasikan sistem memandangkan PADU adalah satu sistem yang menyeluruh

yang merangkumi semua profil-profil. JKM telah membuat kunjungan hormat ke Kementerian Ekonomi untuk tujuan tersebut bagi memastikan JKM boleh mengetahui jika terdapat pemohon yang mendapat bantuan daripada agensi-agensi lain. Oleh sebab itu, JKM sentiasa mengadakan kolaborasi dengan agensi-agensi yang lain dan tidak menghadapi masalah dari segi kerjasama dan kolaborasi.

Isu diberi Keutamaan	Penjelasan/Justifikasi	Kawasan Parlimen	Agensi Kerajaan	Skim Kebajikan Berkaitan		
Kumpulan rentan seperti golongan berpendapatan rendah, warga emas, ibu tunggal, OKU tidak mampu akses kepada bantuan dan sokongan kebajikan	Kekurangan kesedaran mengenai skim bantuan dan sokongan kebajikan dalam kalangan OKU dan keluarga	Jeli, Ipoh Barat in Perak, Temerloh in Pahang; Muar	Kementerian Kewangan (MOF) Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)/ ICU; Lembaga Zakat Selangor (LZS) atau Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).	Bantuan Am Persekutuan (BA)		
	Halangan Pentadbiran: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Proses permohonan dan birokrasi yang menyusahkan</li> <li>• Kekurangan maklumat mengenai cara memohon</li> <li>• Kekurangan upaya untuk bertolak secara fizikal ke pejabat JKM</li> </ul>	Ipoh Barat in Perak, Alam Perdana, Temerloh in Pahang, Kubang Ikan ini Indera Mahkota; Simpang Renggam; Pulau Nunuyan dan Kg. Sungai Kapor in Sabah; Kg. Song-Song, Kg Luadi in Kota Belud, Sabah; Merbok; DUN Nenggiri in Gua Musang; Warga Emas di Madrasah Al-Ikhlas Guntong Dalam, Setiu; DUN Lembing in Paya Besar; Komuniti India di Taman Tas (DUN		Bantuan Sara Hidup-RM 300 sebulan	Bantuan Warga Emas - RM500 sebulan	Bantuan Kanak-kanak Minimum sebanyak RM150 sebulan seorang sehingga maksimum sebanyak RM1000 sebulan mengikut pecahan tertentu.



		Panching), Paya Besar; Desa Mutiara		penerimaan zakat boleh memohon bantuan zakat menerusi Lembaga Zakat Selangor (LZS) atau Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).
	Terkeluar ( <i>exclusion</i> ) atau termasuk ( <i>inclusion</i> ) dari senarai disebabkan sistem e-Kasih yang bermasalah	Kedah: KEDA Ulu Bakai, Kampung Keda, Temerloh in Pahang; Kawasan Tubau-Jelalong in Bintulu; Beaufort, Sabah; Ibu tunggal in Beaufort, Sabah;		Tiada bantuan khas untuk ibu tunggal selain zakat
	Kekurangan dana dan bilangan pegawai kebajikan di JKM	Temerloh, Pahang; Pasir Mas; Komuniti B40 in Tangga Batu, Melaka; Desa Mutiara; Rantau Panjang		
	Kekurangan kemudahan/sokongan kepada OKU	Indera Mahkota; Simpang Renggam; Kangar, Perlis; Bukit Mertajam; Tangga Batu,	JKM, Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya(JPOKU), PDK	Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/ Pesakit Kronik Terlantar

	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidak menerima kad OKU daripada JKM</li> <li>• Pekerjaan yang tidak memadan dengan keupayaan OKU</li> <li>• Kekurangan kelayakan/kemahiran staf memberikan perkhidmatan kepada OKU di PDK</li> <li>• OKU diminta hadir ke JKM tetapi tidak berkeupayaan</li> <li>• Bantuan kebajikan dihantar lambat</li> </ul>	Melaka; Tenom; Merotai		(BPT) - RM500 sebulan  Elaun Pekerja OKU (EPOKU)-RM 450 sebulan  Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB)-RM300 sebulan  Bantuan Penjagaan OKU Terlantar  Bantuan Alat Tiruan Atau Alat Sokongan Kepada OKU
--	--	------------------------	--	---

### 3.2 Pengecualian Kumpulan Tertentu Disebabkan Oleh Definisi Sempit Tentang Siapa Yang Layak Dan Rentan

Model kebajikan residual Malaysia juga menentukan kelayakan secara sempit, menyebabkan jurang dalam perkhidmatan kebajikan. Sebagai contoh, ibu tunggal disenaraikan sebagai kumpulan yang rentan tetapi hanya jika mereka secara rasmi bercerai atau balu. Ini menyebabkan ibu tunggal yang terpisah dari suami tidak berkelayakan. Selain itu, bapa tunggal juga tidak layak untuk mendapat sokongan walaupun mereka mengambil alih peranan keibubapaan sendiri. Apabila melibatkan keluarga berpendapatan rendah atau ibu tunggal yang memerlukan bantuan dan tinggal bersama sekurang-kurangnya seorang dewasa yang bekerja, terdapat kes di mana

mereka dianggap tidak layak untuk menerima sokongan JKM. Oleh itu, kriteria kelayakan yang sempit bermakna kumpulan tersebut dikecualikan walaupun mereka memerlukan bantuan.

Model kebajikan semasa juga tidak memenuhi keperluan kumpulan belia yang rentan, terutamanya mereka yang berpendapatan rendah atau tinggal di kawasan luar bandar yang kekurangan perkhidmatan. Ini merupakan isu sistemik yang semakin berkembang, terutamanya sejak pandemik, di mana belia menghadapi akses terhad atau tiada akses langsung kepada kemudahan rekreasi atau peluang pengembangan kemahiran, peluang pekerjaan yang terhad, dan masalah akses pendidikan bergantung kepada tempat kediaman mereka. Belia rentan kini menjadi 'titik buta' yang semakin meningkat dalam dasar kebajikan Malaysia.

Ini telah menerima maklum balas dari **pihak KPWKM** bahawa bantuan diberikan atas kriteria dan syarat kelayakan sahaja. Ini termasuk 14 jenis bantuan di JKM, 11 bantuan persekutuan dan 3 bantuan negeri. Tiada bantuan spesifik yang disediakan untuk bapa tunggal dan ibu tunggal, tetapi bantuan adalah berdasarkan kepada kelayakan. Tidak kira sama bapa tunggal atau ibu tunggal dan sebagainya, jika mereka memenuhi syarat mereka layak menerima bantuan. Pihak **KUSKOP** pula memberikan maklum balas bahawa fokus kepada golongan belia di kementerian tersebut telah pun dijalankan belia dari segi latihan serta pinjaman untuk memulakan perniagaan. Seterusnya, **pihak KPM** telah memberikan konteks untuk masalah kebajikan belia yang kebanyakannya berkait dengan kesan pandemik Covid-19. Antara kesan daripada pandemik Covid-19 adalah keciciran. Antara cadangan yang diberikan ialah mengenai kepentingan data untuk memahami fenomena *lost boys* yang besar kemungkinannya berada di dalam sektor ekonomi contohnya ekonomi gig. Jadual berikut memetakan isu-isu ini:

<b>Isu-isu yang diberi Keutamaan</b>	<b>Penerangan/ Justifikasi</b>	<b>Kawasan Parlimen</b>	<b>Agensi Kerajaan</b>	<b>Skim Kebajikan Berkaitan</b>
Syarat kelayakan yang sempit bagi kumpulan rentan	Kumpulan tertentu tidak dipertimbangkan sebagai layak bagi bantuan JKM: <ul style="list-style-type: none"> <li>Bapa tunggal. Hanya terhad kepada ibu tunggal</li> <li>Ibu tunggal are</li> </ul>	Ipoh Barat in Perak; Merbok; Kuala Selangor in Selangor, Temerloh in Pahang; Muar; Merbok; Gua	JKM, KPWKM,	Kesemua skim kebajikan yang menggunakan ujian kelayakan

	<p>tidak bercerai atau menjadi balu secara formal</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Keluarga tertentu tidak layak jika ada ahli keluarga dewasa yang bekerja walaupun wujud keperluan penjagaan</li> <li>• Kebajikan diberikan kepada OKU tetapi bukan kepada penjaga</li> <li>• Ibu tunggal yang berpendapatan tertentu tidak layak untuk bantuan</li> </ul>	<p>Musang; Kuantan, Pahang; Komuniti OKU /Pusat Pemulihan Dalam Komuniti Kawasan Gemencheh - Pelatih, Jurulatih &amp; Ibu Bapa; Kg Bogian, Tambunan; Keningau</p>		
<p>Belia berpendapatan rendah/luar bandar tidak dianggap sebagai kumpulan rentan walaupun peningkatan bukti kerentanan</p>	<p>Belia berpendapatan rendah/luar bandar semakin mengalami kerentanan kerana mereka</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengalami kekurangan pembelajaran atau berhenti sekolah semasa pandemik</li> <li>• Kekurangan peluang pekerjaan khususnya di luar bandar</li> <li>• Kekurangan akses kepada kemudahan riadah atau peluang peningkatan kemahiran</li> </ul>	<p>Kampung Keda in Kedah; Simpang Renggam; Muar; Kampung Sungai Kapor and Pulau Nunyan in Sabah; Libaran in Sabah; Rancangan Batu 22 in Tawau; Batang Lupar in Sarawak; Kampung Song Song,</p>	<p>KBS KPM</p>	<p>Dasar Pembangunan Belia Negara</p>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>Berkecenderungan untuk terlibat dalam masalah sosial seperti dadah, perjudian dan lumba haram</li> </ul>	Kota Belud;		
--	---	-------------	--	--

### 3.3 Isu Berdasarkan Gender Adalah Lazim Dengan Sokongan Sosial Yang Terhad

Isu berdasarkan gender termasuk keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak, serta ketidakupayaan mereka untuk menanggung atau akses kepada penjagaan kanak-kanak. Persamaan di antara isu-isu ini adalah bahawa wanita atau kanak-kanak hanya menerima sokongan terhad daripada JKM dan/atau perkhidmatan sosial lain, dan ibu tunggal menghadapi kesan yang lebih teruk.

Berkenaan dengan keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak, penyediaan bantuan kebajikan terjejas kerana kes keganasan rumah tangga sering tidak dilaporkan (Nair, 2023). Malaysia telah membentuk Pusat Krisis Sehati (*One-Stop Crisis Centres, OSCC*) dalam usaha mengurangkan fragmentasi perkhidmatan - namun tidak semua OSCC terletak berdekatan dengan mangsa manakala komuniti telah melaporkan kesulitan dalam mengakses kemudahan kesihatan asas.

Isu-isu yang diberi Keutamaan	Penjelasan/ Justifikasi	Kawasan Parlimen	Agensi Kerajaan	Skim/Perkhidmatan Kebajikan Berkenaan
Keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak	<p>Keganasan rumahtangga semakin umum secara perbandingan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mangsa kurang mendapat sokongan semasa atau selepas kejadian</li> </ul>	Kuching, Sarawak; Selayang; Pasir Mas; Pekan Layang-Layang, Simpang Renggam; Bukit Mertajam; Perumahan Flat Pak Mahat, Kuantan; Indian community in Sungai Buloh in Selangor;	JKM, KPWKM, Bahagian Siasatan Seksual, Wanita, dan Kanak-kanak (D11) dari Balai Polis Daerah, PDRM, KKM	<p>Pusat Krisis Bersepadu - <i>One-stop crisis centre</i> (OSCC)</p> <p>Bantuan JKM untuk: memohon Perintah Perlindungan Kecemasan (<i>Emergency Protection Order, EPO</i>) dan Perintah Perlindungan Sementara (Interim Protection Order, IPO), menyediakan tempat perlindungan sementara jika perlu, menyediakan bantuan kewangan jika perlu, dan/atau merujuk anda ke agensi yang berkaitan untuk tujuan</p>

				tertentu.
Penjagaan Kanak-kanak	<p>Wanita disekat oleh tanggungjawab penjagaan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ibu tunggal adalah paling terkesan</li> <li>• Kos penjagaan kanak-kanak adalah tinggi</li> <li>• Kekurangan pusat jagaan kanak-kanak</li> <li>• Kekurangan pusat jagaan kanak-kanak berdaftar menyebabkan ibu bapa bergantung kepada penjagaan tidak formal</li> </ul>	Kuching, Sarawak; Kuala Selangor; Bukit Mertajam; PPR in Cheras;	KPWKM, JKM	<p>Bantuan Kanak-kanak Minimum sebanyak RM150 sebulan seorang sehingga maksimum sebanyak RM1000 sebulan mengikut pecahan tertentu.</p> <p>Bantuan i-Suri Bantuan Kasih Ibu</p>

### 3.4 Kekurangan Penjagaan/Fragmentasi Perkhidmatan Bagi Warga Emas dan Oku

Kumpulan rentan seperti warga emas dan OKU membangkitkan kebimbangan mengenai kekurangan perkhidmatan penjagaan, khususnya dalam kawasan didiami mereka. Justeru itu, warga emas dan OKU menghadapi risiko tinggal bersendirian dengan sokongan yang terhad, atau bergantung sepenuhnya kepada penjagaan ahli keluarga yang juga menghadapi kekangan tersendiri. Situasi ini juga selari dengan model kebajikan residual Malaysia di mana perkhidmatan penjagaan kerajaan bagi warga emas hanya kepada mereka yang papa (*destitute*) – iaitu tidak ada sumber kewangan dan/atau ahli keluarga.

Dalam sesi perbincangan, **pihak KPWKM** telah mengemukakan faktor-faktor yang menyumbang kepada isu tersebut.. Berdasarkan populasi Malaysia sebanyak 33 juta orang pada 2024, diramalkan sebanyak 5.324 juta populasi negara adalah OKU. Yang

berdaftar dengan JKM hanyalah sebanyak 715,000 orang. Terdapat 7 kategori OKU di Malaysia dan dijangkakan jumlah kategori akan meningkat. Golongan OKU di Malaysia juga kurang kesedaran tentang bantuan sedia ada. Kerajaan menyediakan 4 jenis bantuan yang spesifik untuk golongan OKU tetapi masih mengalami kekurangan kesedaran. Ini termasuk kekurangan kesedaran ibu bapa tentang OKU itu sendiri, ibu bapa yang bersifat *denial* – mereka tahu tetapi tidak mahu mendaftar dengan JKM, ahli keluarga yang menghadapi kesukaran kerana mungkin berada di luar bandar atau tinggal jauh dan kadang-kadang ibu bapa atau keluarga terdekat tidak mengetahui mereka mempunyai anak-anak OKU terutamanya OKU di bawah kategori pembelajaran yang *ringan atau sederhana* dan sukar dikesan.

Antara maklum balas yang telah dibangkitkan oleh **KESUMA** untuk memberdayakan OKU ialah bahawa dari segi *upskilling* dan *reskilling*, KESUMA ada beberapa agensi yang bertanggungjawab untuk melatih semua pekerja termasuk orang kurang upaya (OKU). Contohnya PERKESO telah diberikan geran kerajaan untuk melatih golongan rentan termasuk OKU. Selain itu Talent Corporation dan HRD Corp juga melatih pekerja-pekerja. Di bawah HRD Corp terdapat program OKU Talent Enhancement (OTEP) yang memberi job coaching dari semasa ke semasa. Talent Corp pula telah membuat kajian *Improvement of Code of Practice for PWDs in Private Sector and Public Sector Services*.

Isu-isu yang diutamakan	Penjelasan/Justifikasi	Kawasan Parlimen	Agensi Kerajaan	Perkhidmatan/Skim Kebajikan Berkaitan
Kekurangan perkhidmatan penjagaan bagi warga emas	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Warga Emas duduk bersendirian (<i>live in isolation</i>)</li> <li>• Keluarga menghadapi kesukaran menjaga ahli keluarga yang tua</li> </ul>	Ijok; Tebrau; Lembah Pantai; Temerloh; Perumahan Kekal Mangsa Banjir, Kuala Krai;Warga Emas di Madrasah Al-Ikhlas Guntong Dalam, Setiu; golongan gelandangan di Cheras;	KPWKM, JKM	PAWE, Rumah Seri Kenangan, Rumah Ehsan, Darul Ilmi, UPWE, Perkhidmatan Respite Care, Program Khidmat Bantu di Rumah, Kelab Warge Emas



Kekurangan perkhidmatan penjagaan yang mampu bayar ( <i>affordable</i> ) bagi OKU	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kos penjagaan yang tinggi disebabkan keperluan sumber-sumber yang berlainan, contoh lampin bagi OKU dewasa</li> <li>• Keluarga terpaksa hantar OKU ke pusat yang jauh dari rumah</li> </ul>	Indera Mahkota; Komuniti OKU /Pusat Pemulihan Dalam Komuniti Kawasan Gemencheh - Pelatih, Jurulatih & Ibu Bapa; Indera Mahkota; Simpang Renggam; Kangar, Perlis; Bukit Mertajam; Tangga Batu, Melaka; Tenom; Merota		Taman Sinar Harapan, Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP) Bangi, Bengkel Daya
---	--	---	--	---

#### 4. CADANGAN DASAR DAN JALAN KE DEPAN

##### 4.1 Memisahkan Bidang Kuasa JKM Ke Satu Kementerian/Agensi Tersendiri

Terdapat cadangan daripada Ahli-ahli Parlimen untuk menjadikan JKM sebagai sebuah Kementerian tersendiri atau agensi pusat. Mengimbas sejarah perkembangan JKM, idea ini bukanlah baru. JKM pernah saling diletak di bawah Kementerian Kesihatan dan Kementerian Buruh pada tahun 1950an hingga 1960an. Kemudian ia mempunyai Kementerian Perkhidmatan Kebajikan (1964-1982) dan Kementerian Kebajikan Sosial (1982-1990) tersendiri, sebelum diletak di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Sosial (1990-2004) dan akhirnya di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada tahun 2004 sehingga kini. Walaupun istilah atau terma kebajikan telah diganti oleh pembangunan sosial dan pembangunan masyarakat, JKM sebagai sebuah agensi kerajaan pusat mengekalkan nama kebajikan masyarakat sebagai nama organisasi.

Pada masa ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menubuhkan sebuah jabatan baru dikenali sebagai Jabatan Pembangunan Kanak-kanak (JPKK) sebagai usaha atau pendekatan untuk menyatukan kesemua perkhidmatan kebajikan kanak-kanak bawah satu agensi. Kesan penuh pemisahan perkhidmatan dan

tenaga kerja ini terhadap JKM masih belum dapat diperhalusi. Namun begitu, amatlah mustahak bagi kerajaan untuk menentukan hala tuju dasar kebajikan sosial negara dan perlindungan sosial (*social protection floor*). Hanya pada ketika itu baru boleh diputuskan peranan dan kedudukan JKM berpandukan fakta dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan kebajikan sosial kepada golongan yang memerlukan. Juga penting diperingatkan bahawa JKM secara tersendiri tidak mampu menyelesaikan isu kemiskinan dan permasalahan sosial dalam negara. Ini selari dengan anjuran **SDG 16** yang berkaitan dengan soal tadbir urus yang lebih mampan. Suatu cadangan daripada Ahli-ahli Parlimen adalah mewujudkan satu akta khas untuk OKU supaya satu jabatan khas di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) boleh ditubuhkan untuk menguruskan hal ehwal OKU.

## 4.2 Mengembangkan Definisi 'Kumpulan Rentan' Dalam Sistem Kebajikan Malaysia

Dalam praktiknya, memperluas definisi kerentanan akan melibatkan meluaskan panduan kelayakan (misalnya, keluarga yang memerlukan bantuan dengan sekurang-kurangnya seorang anggota keluarga yang bekerja sepatutnya tidak dianggap sebagai tidak layak) sambil juga memperluas kategori kumpulan rentan (contohnya, termasuk bapa tunggal atau penjaga OKU). Tanpa perluasan definisi ini, banyak kumpulan rentan akan terus terpinggir. Malaysia juga perlu mengatasi 'titik buta' semasa dalam dasar kebajikan dengan mempertimbangkan golongan muda yang rentan dan berisiko, terutamanya kesan berikutan pandemik COVID-19 yang dihadapi. Ini selari dengan anjuran **SDG 1, 3 dan 5**. Secara keseluruhan, kriteria yang diperluas berikut boleh dipertimbangkan berdasarkan latihan pemetaan isu:

1. Meluaskan kriteria kelayakan bagi kumpulan rentan sedia ada:
  - Merangkumi ayah tunggal
  - Merangkumi ibu tunggal yang belum bercerai atau menjadi balu secara formal
  - Jika memenuhi syarat ujian kelayakan, keluarga berpendapatan rendah dengan ahli keluarga dewasa yang bekerja patut diberi pertimbangan
  - Jika memenuhi syarat ujian kelayakan, ibu tunggal yang mempunyai sumber pendapatan patut diberi pertimbangan
  - Merangkumi OKU yang bekerja
2. Memperluaskan kumpulan rentan yang patut dipertimbangkan bagi bantuan JKM:
  - Penjaga kepada OKU
  - Belia berisiko

### **4.3 Melabur Dalam Sistem Kebajikan Sosial Dan Menambah Bilangan Pekerja Sosial**

Model kebajikan residual di Malaysia adalah hasil langsung daripada kekurangan pembiayaan yang berterusan dalam sistem kebajikan, yang mengakibatkan masalah ketidakcukupan dan penyelarasan yang lemah. Salah satu cara untuk memperbaiki ini bukan hanya dengan melabur dalam sistem kebajikan secara keseluruhan, tetapi juga dengan meningkatkan jumlah pekerja sosial yang berkelayakan dan tenaga kerja perkhidmatan sosial yang lebih besar. Ini akan membolehkan pegawai JKM dan pekerja sosial mengenal pasti kumpulan yang memerlukan bantuan, mengurangkan halangan pentadbiran semasa membantu kumpulan rentan memohon skim kebajikan, sambil memantau perkembangan kes dan menghubungkan mereka dengan perkhidmatan yang relevan.

Rang Undang-Undang Profesion Kerja Sosial - yang belum lagi dibentangkan di Parlimen - akan menjadi saluran penting untuk menjadikan profesional pekerja sosial, memberdayakan pekerja sosial dan mempersiapkan mereka dengan lebih baik untuk memberi perkhidmatan kepada komuniti yang memerlukan. Apabila Rang Undang-undang ini diluluskan, kerajaan Malaysia akan mempunyai data pekerja sosial berdaftar di kedua-dua sektor kerajaan dan NGO untuk menilai pendekatan mereka terhadap kebajikan dan meningkatkan akses kepada perkhidmatan sosial dan bantuan bagi golongan yang paling rentan di negara ini. Ini juga selari dengan **SDG 1, 3 dan 16**.

### **4.4 Melabur Dalam Perkhidmatan Penjagaan Bagi OKU Dan Kanak-Kanak Yang Mampu Dicapai, Serta Menangani Fragmentasi Perkhidmatan**

Dengan golongan OKU yang mengutarakan kebimbangan mengenai perkhidmatan penjagaan terhad untuk orang kurang upaya dan tekanan yang dialami oleh ahli keluarga yang menjadi penjaga mereka, adalah penting untuk dikendalikan. Pemantauan dan penilaian terhadap perkhidmatan penjagaan OKU sedia ada untuk memastikan keberkesanannya dalam memenuhi keperluan mereka. Perkhidmatan penjagaan OKU seperti Taman Sinar Harapan (rumah penjagaan OKU), Pusat Latihan dan Pemulihan Industri (latihan TVET untuk OKU), dan Bengkel Daya (menyediakan peluang pekerjaan untuk OKU) adalah contoh perkhidmatan sedia ada. Walau bagaimanapun, jumlah institusi seumpama ini terhad dan oleh itu, tidak mudah diakses oleh mereka yang tinggal di kawasan luar bandar. Terdapat keperluan untuk meningkatkan jumlah perkhidmatan penjagaan dalam komuniti, dan juga memperbanyakkan sokongan kepada keluarga yang mempunyai ahli OKU. Ini selari dengan **SDG 1, 3, 5 dan 10**.

Selain daripada itu, perkhidmatan penjagaan bagi warga emas juga agak terhad kerana ianya biasa terbuka kepada mereka yang papa serta tidak ada sumber pendapatan atau ahli keluarga. Di sini, agak penting bagi KPWK dan KKM untuk bekerjasama bagi memastikan perkhidmatan penjagaan yang disediakan mampu memenuhi keperluan harian dan kesihatan warga emas. Melangkah ke depan, Malaysia perlu mempertimbangkan kepelbagaian perkhidmatan penjagaan seperti bantuan di rumah (*home-help*), pusat jagaan harian (*day-care centres*) warga emas, dan lebih banyak pilihan dari segi sokongan berasaskan komuniti (*community-based support*) untuk memastikan keperluan penjagaan warga emas dapat dipenuhi tanpa bergantung kepada penjagaan dalam institusi. Meningkatkan kemampuan perkhidmatan ini agar lebih berpatutan dan mudah diakses adalah penting. Ini boleh menjadi sebahagian daripada usaha semasa membangunkan ekonomi penjagaan oleh KPWK.

#### **4.5 Mengkaji Semula Dasar Kebajikan Sosial Negara Dan Dasar Sosial Negara, Serta Membangunkan Pelan Hala Tuju/Tindakan**

Walaupun Malaysia sudah mempunyai Dasar Kebajikan Masyarakat Negara dan Dasar Sosial Negara, ia masih kekurangan suatu pelan hala tuju atau pelan tindakan. Lebih-lebih lagi, dasar sosial negara atau dasar kebajikan sosial tidak sepatutnya terhad atau diletakkan di bawah tanggungjawab satu Kementerian atau satu agensi sahaja. Dasar sosial negara yang komprehensif sepatutnya merangkumi perkhidmatan asas yang berkaitan dengan peningkatan kesejahteraan semua orang, seperti penjagaan kesihatan, pendidikan, pekerjaan, keselamatan sosial dan kebajikan sosial, sokongan kanak-kanak dan keluarga, perumahan, pembangunan komuniti, kesaksamaan dan inklusif, penglibatan masyarakat (*civic engagement*), pembiayaan dan tadbir urus kebajikan. Dasar sosial negara yang komprehensif juga akan membantu pembentukan industri penjagaan yang dinamik dan ekonomi yang mampan.

Selain itu, KPWK atau JKM sendiri tidak akan dapat mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) dan sasaran yang berkaitan secara bersendirian kerana bantuan kebajikan diutamakan bagi bantuan kecemasan atau bantuan sementara. Usaha mencapai sasaran SDGs memerlukan perkhidmatan lain daripada agensi yang berbeza untuk terlibat, sama ada dalam membasmi kemiskinan, memerangi keganasan gender atau menutup jurang kesaksamaan gender, pekerjaan yang memuaskan (*decent work*) untuk wanita dan kumpulan tersisih, atau pekerjaan untuk belia.

Di samping itu, dasar-dasar kebajikan sosial sedia ada perlu dikaji semula dan diselaraskan semula dengan SDGs yang berkenaan seperti **SDG 1 dan SDG 3**, serta ditetapkan matlamat yang tercapai. Dasar atau pelan tindakan semasa kebanyakannya

adalah dalam bentuk deklarasi iltizam (*declaration of commitment*), atau mempromosikan hak bagi kumpulan tertentu, tetapi tidak selaras dengan SDGs.

Ini telah pun disokong oleh pihak **KPWKM** dalam sesi perbincangan kedua iaitu dasar-dasar ini tiada pelan tindakan dan ini perlu digerakkan. Pelan hala tuju/pelan tindakan juga mestilah jelas menerangkan tanggungjawab kesemua pemegang taruh, contohnya peranan kerajaan Persekutuan, Negeri dan Tempatan dalam perancangan, pelaksanaan dan pembiayaan perkhidmatan kebajikan. Ia juga perlu merangkumi penerangan mengenai peranan dan penyertaan keluarga, komuniti, masyarakat sivil dan pertubuhan bukan kerajaan, serta sektor perniagaan, khususnya dalam pembentukan industri penjagaan dan ekonomi penjagaan.

## RUJUKAN

DiNitto, D., & Johnson, D. (2021, October 29). Social Welfare Policy: Overview. *Encyclopedia of Social Work*. Retrieved from <https://oxfordre.com/socialwork/view/10.1093/acrefore/9780199975839.001.0001/acrefore-9780199975839-e-607>.

Fuziah Shaffie (2007). *Sejarah dan perkembangan kebajikan sosial*. Sintok, UUM: Penerbit Universiti Utara Malaysia.

Jabatan Kebajikan Masyarakat (2016). *Legasi JKM melangkaui zaman*. Putrajaya: Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Mair, L.P. (1944). *Welfare in the British Colonies*. London: The Royal Institute of International Affairs.

Siti Hajar Abu Bakar Ah (2006). *Kebajikan sosial: Aplikasi dalam perkhidmatan manusia*. Kuala Lumpur: UM Press.

## LAMPIRAN 1: RANGKUMAN ISU-ISU UTAMA, MAKLUM BALAS, CADANGAN

### 1.1 Senarai Isu-isu berkaitan Kebajikan untuk Sesi FGD Pertama bersama Ahli-ahli Parlimen, 12hb Mac 2024

ISU UTAMA	PENJELASAN
<b>Kekurangan pelaburan dalam kebajikan sosial</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelaburan Malaysia dalam sistem kebajikan sosial jauh lebih rendah daripada negara-negara lain di rantau Asia Tenggara, dan lebih rendah berbanding perkhidmatan sosial lain seperti kesihatan dan pendidikan.</li> <li>• Program-program kebajikan hanya memberi tumpuan kepada bantuan, dengan program dan perkhidmatan pemberdayaan yang terhad.</li> <li>• Terdapat kekurangan pekerja sosial atau pegawai kebajikan yang sepadan dengan bilangan kes yang memerlukan perhatian. Mereka yang sedang berkhidmat menghadapi pelbagai tekanan kesihatan dan mental. Akibat kekurangan ini, pegawai JKM bergantung kepada kumpulan sasar sendiri - contohnya, OKU - untuk datang ke pejabat JKM untuk memohon bantuan.</li> <li>• Cadangan agar pekerja sukarelawan diberi imbuhan.</li> </ul>
<b>Kekurangan sokongan bagi OKU</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perlunya sebuah pejabat yang khusus dalam membantu OKU.</li> <li>• Penjaga bagi OKU harus dibenarkan mengguna bantuan/perkhidmatan OKU. Contoh, menggunakan tempat yang khusus bagi OKU.</li> <li>• Kelayakan bagi OKU yang memerlukan pekerjaan perlu disemak agar lebih bersifat inklusif.</li> </ul>
<b>Kekurangan peluang untuk pembangunan belia</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Terdapat peningkatan bilangan belia terlibat dalam masalah sosial seperti penagihan dadah dan perjudian, khususnya bagi golongan belia di kawasan luar bandar yang kurang mendapat akses kepada internet.</li> <li>• Kekurangan ruangan riadah bagi belia.</li> <li>• JKM diperlukan untuk membantu golongan belia yang terlibat dengan masalah sosial dan berpendapatan rendah untuk menjadi lebih berdikari.</li> </ul>

<b>Kebajikan peka kepada isu gender</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peruntukan bagi Jabatan Pembangunan Wanita amat terhad.</li> <li>• Cadangan untuk keluaran JPW daripada JKM.</li> </ul>
<b>Kebajikan bagi warga emas</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keperluan pensen universal</li> </ul>

## 1.2 Senarai Isu-isu berkaitan Kebajikan untuk Sesi FGD Kedua bersama Ahli-ahli Parlimen dan Agensi Kerajaan, 18hb Julai 2024

NO.	ISU	PENJELASAN	KAWASAN PARLIMEN
<b>1.</b>	<b>Kumpulan rentan tidak dapat akses kepada bantuan dan sokongan kebajikan walaupun berkelayakan</b>		
1.1	Kumpulan-kumpulan rentan seperti golongan berpendapatan rendah, warga emas, ibu-ibu tunggal, dan orang kurang upaya tidak dapat akses kepada bantuan dan sokongan kebajikan	Kekurangan kesedaran tentang skim-skim bantuan dan sokongan kebajikan <ul style="list-style-type: none"> <li>• Golongan orang kurang upaya kurang kesedaran tentang jenis bantuan sokongan yang sedia ada</li> </ul>	Jeli, Ipoh Barat, Temerloh, Muar
		Hambatan pentadbiran <ul style="list-style-type: none"> <li>• Proses birokrasi dan permohonan yang sukar</li> <li>• Kekurangan maklumat tentang cara untuk memohon</li> <li>• Ketidakupayaan untuk pergi ke pejabat-pejabat JKM secara fizikal</li> </ul>	Ipoh Barat, Temerloh, Indera Mahkota, Simpang Renggam, Kota Belud, Merbok, Gua Musang, Setiu, Paya Besar
		Ralat dalam kemasukan dan penyisihan nama disebabkan sistem bersasar e-Kasih yang tidak tepat <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mereka yang layak tidak menerima sokongan JKM</li> </ul>	Baling, Temerloh, Bintulu, Beaufort, Pasir Mas,



NO.	ISU	PENJELASAN	KAWASAN PARLIMEN
		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mereka yang sepatutnya tidak layak terus menerima sokongan JKM</li> </ul> <p>Kekurangan dana JKM dan pegawai kebajikan atau pekerja sosial</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Di Pasir Mas, kadar nisbah pegawai kepada kes di lapangan adalah 1:300 orang</li> <li>• Pegawai yang memantau kes di lapangan tidak membuat lawatan ke komuniti untuk memantau dan mengesahkan kes-kes</li> </ul> <p>Kekurangan kemudahan dan/atau sokongan untuk OKU</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kekurangan dana untuk PDK</li> <li>• Tidak menerima kad OKU daripada JKM</li> <li>• Sokongan pekerjaan yang diberikan tidak berpadanan dengan keupayaan OKU</li> <li>• Kelayakan yang tidak mencukupi untuk memberikan khidmat sosial kepada OKU di pusat-pusat PDK</li> <li>• OKU diperlukan untuk hadir di pejabat JKM tetapi tidak dapat hadir</li> <li>• Sokongan kebajikan yang lewat atau tertunda</li> </ul>	<p>Tangga Batu, Rantau Panjang</p> <p>Temerloh, Pasir Mas, Tangga Batu, Rantau Panjang</p> <p>Indera Mahkota, Simpang Renggam, Kangar, Bukit Mertajam, Tangga Batu, Tenom</p>
<b>2.</b>	<b>Pengecualian kumpulan-kumpulan tertentu disebabkan pendefinisian terma 'kelayakan' dan 'rentan' yang sempit</b>		
2.1	Kriteria kelayakan yang sempit atau terhad untuk kumpulan-kumpulan rentan	<p>Kumpulan tertentu tidak dipertimbangkan sebagai layak untuk sokongan JKM</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bapa tunggal tidak disenaraikan berbanding ibu tunggal</li> </ul>	Ipoh Barat, Merbok, Kuala Selangor, Temerloh, Muar, Gua

NO.	ISU	PENJELASAN	KAWASAN PARLIMEN
		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ibu tunggal yang tidak bercerai secara formal atau sudah menjadi janda tidak dikenal pasti sebagai layak</li> <li>• Terdapat keluarga tertentu yang dikenal pasti sebagai tidak layak kalau ada orang dewasa yang bekerja, walaupun masih berstatus memerlukan</li> <li>• Kebajikan diberikan kepada OKU, tetapi tidak kepada penjaga mereka yang merupakan ahli keluarga</li> <li>• Ibu tunggal yang mempunyai sumber penajaan pendapatan adalah tidak berkelayakan</li> </ul>	Musang, Kuantan, Keningau
2.2	Golongan belia yang berpendapatan rendah atau dari kawasan luar bandar tidak dikenal pasti sebagai kumpulan rentan walaupun semakin terkesan dengan isu sosioekonomi	<p>Golongan belia yang di kawasan luar bandar dan berpendapatan rendah menjadi semakin terdedah kepada risiko kerentanan kerana mereka:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengalami kehilangan proses pembelajaran yang penting atau tercicir daripada sekolah ketika waktu pandemik</li> <li>• Kekurangan peluang pekerjaan</li> <li>• Kekurangan akses kepada kemudahan rekreasi atau peluang-peluang meningkatkan kemahiran yang bermanfaat</li> <li>• Berisiko untuk terlibat dalam masalah sosial, seperti dadah, berjudi, berlumba</li> </ul>	Sungai Petani, Simpang Renggam, Muar, Libaran, Tawau, Batang Lupar, Kota Belud
<b>3.</b>	<b>Isu-isu yang berasaskan gender adalah berleluasa tetapi kewujudan sistem sokongan sosial adalah terhad</b>		
3.1	Keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak	Keganasan rumahtangga semakin berleluasa	Kuching, Selayang, Pasir Mas, Simpang Renggam,

NO.	ISU	PENJELASAN	KAWASAN PARLIMEN
		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mangsa tidak menerima sokongan yang menyeluruh ketika dan selepas kejadian</li> </ul>	Bukit Mertajam, Kuantan, Sungai Buloh
3.2	Penjagaan kanak-kanak	<p>Golongan wanita dibataskan oleh pelbagai tanggungjawab penjagaan anak</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Wanita yang tidak berpasangan antara yang paling terkesan</li> <li>• Kos untuk penjagaan kanak-kanak adalah tinggi</li> <li>• Kekurangan pusat-pusat penjagaan kanak-kanak</li> <li>• Kekurangan pusat penjagaan kanak-kanak yang berdaftar menyebabkan ibu bapa untuk bergantung kepada penjagaan tidak formal</li> </ul>	Kuching, Kuala Selangor, Bukit Mertajam, Cheras
<b>4.</b>	<b>Kekurangan, atau fragmentasi jenis-jenis perkhidmatan untuk warga emas dan OKU</b>		
4.1	Kekurangan perkhidmatan penjagaan untuk warga emas	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Golongan warga emas tinggal dalam keadaan terasing (<i>isolation</i>)</li> <li>• Keluarga-keluarga menghadapi kesusahan untuk menjaga ahli keluarga yang lebih tua</li> </ul>	Tebrau, Lembah Pantai, Temerloh, Kuala Krai, Setiu, Cheras
4.2	Kekurangan perkhidmatan penjagaan yang berkos berpatutan untuk OKU	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kos-kos penjagaan yang tinggi adalah disebabkan oleh keperluan untuk pelbagai sumber keperluan asas, sebagai contohnya, lampin orang dewasa</li> <li>• Keluarga-keluarga terpaksa hantar ahli keluarga OKU ke pusat-pusat yang jauh</li> </ul>	Indera Mahkota, Simpang Renggam, Kangar, Bukit Mertajam, Tangga Batu, Tenom

### 1.3 Senarai Maklum Balas dan Cadangan Dasar daripada Agensi-agensi Kerajaan dan Ahli-ahli Parlimen, 18hb Julai 2024

ISU	TINDAKAN BALAS	CADANGAN
Kumpulan rentan seperti golongan berpendapatan rendah, warga emas, ibu tunggal, OKU tidak mampu akses kepada bantuan dan sokongan kebajikan	Perlu melabur dalam sistem kebajikan sosial untuk mengatasi jurang dalam pemberian bantuan. Kekurangan pekerja sosial menyebabkan kapasiti mereka untuk melakukan kerja di lapangan mengenalpasti kes-kes rentan. Bantuan juga tidak mencukupi dan tidak mencapai kumpulan rentan.	4.3 Melabur dalam sistem kebajikan sosial dan tenaga kerja pekerja sosial - meluluskan Rang Undang-undang Profesion Kerja Sosial
OKU memerlukan sokongan khusus	OKU kekurangan sokongan khusus yang menjangkau bantuan kewangan, ini termasuk peluang pekerjaan.	4.1 Memisahkan urusan tadbir isu OKU (Jabatan Pembangunan OKU) daripada JKM sebagai agensi berasingan.

Definisi yang sempit berkenaan kebajikan dan kumpulan rentan	Definisi kebajikan agak sempit di Malaysia dan tidak merangkumi banyak isu sosial atau kumpulan rentan yang baru	4.2 Mengembangkan definisi kumpulan rentan, yang turut merangkumi kumpulan berpendapatan rendah dan belia berisiko
Terdapat dasar mengenai kebajikan sosial tetapi tidak ada pelan tindakan	Dasar-dasar membekalkan satu kerangka tetapi tidak ada kaedah khusus untuk pelaksanaan	4.5 Mengkaji semula Dasar Kebajikan Sosial Negara dan Dasar Kebajikan Negara bagi membangunkan satu dokumen pelan tindakan

**LAMPIRAN 2: SENARAI KEHADIRAN AHLI-AHLI PARLIMEN DAN ORGANISASI MASYARAKAT SIVIL UNTUK  
PERBINCANGAN KUMPULAN FOKUS DASAR PERTAMA – 12hb Mac 2024**

<b>NO.</b>	<b>AHLI PARLIMEN</b>	<b>ORGANISASI MASYARAKAT SIVIL</b>
1	YB Dato Hajah Siti Zailah Binti Yusoff - Rantau Panjang	Institute of Strategic and International Studies (ISIS) Malaysia
2	YB Datuk Zahari Kechik - Jeli	Universiti Utara Malaysia
3	YB Senator Tuan Isaiah a/l D. Jacob (Ahli Dewan Negara)	
4	YB Datuk Willie Anak Mongin – Puncak Borneo	
5	YB Tuan Haji Muhammad Islahuddin Bin Abas - Mersing	
6	YB Puan Hajah Salamiah - Temerloh	
7	YB Dato Hajah Mumtaz - Tumpat	
8	YB Tuan Jamaluddin – Pasir Salak	
9	YB Dr. Haji Abdul Ghani Ahmad – Jerlun	
10	YB Tuan Mohammad Fawwaz Md Jan – Permatang Pauh	

**LAMPIRAN 3: SENARAI KEHADIRAN AHLI-AHLI PARLIMEN DAN KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI KERAJAAN  
UNTUK PERBINCANGAN KUMPULAN FOKUS DASAR KEDUA – 18hb Julai 2024**

<b>NO.</b>	<b>AHLI PARLIMEN</b>	<b>KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI KERAJAAN</b>
1	YB Dato' Siti Zailah binti Mohd Yusof - Rantau Panjang	Kementerian Sumber Manusia (KESUMA)
2	YB Tuan Rushdan Rusmi - Padang Besar	Kementerian Komunikasi (KOMUNIKASI)
3	YB Senator Tuan Isaiiah a/l D. Jacob (Ahli Dewan Negara)	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWKM)
4		Kementerian Perpaduan Negara (PERPADUAN)
5		Kementerian Pembangunan Usahawanan Dan Koperasi (KUSKOP)
6		Kementerian Ekonomi
7		Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
8		Institute Of Strategic and International Studies (ISIS) Malaysia



**Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari (PPM-023-14-07012020)**

📍 A-1-10, Blok A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1, Seksyen  
8 Petaling Jaya, 46050, Selangor

✉️ [secretariat@appgm-sdg.com](mailto:secretariat@appgm-sdg.com)

📘 <https://www.facebook.com/APPGMSDGMY>

🌐 <https://appgm-sdg.com/>

